

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN GOBIND SINGH DEO  
[ PUCHONG ]**

**TARIKH : 18 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah faktor-faktor yang diambil kira oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) di dalam melaksanakan proses persempadanan semula kawasan pilihan raya yang dicadangkan baru-baru ini.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan melihat keseluruhan persempadanan di seluruh Negara termasuklah di Negeri-Negeri yang tiada perubahan bahagian pilihan raya dalam urusan kajian semula persempadanan sebelum ini. Perkara yang diambil kira dalam membahagikan mana-mana unit kajian kepada bahagian-bahagian pilihan raya adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Bahagian I dan II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan Seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- (a) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- (b) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;

- (c) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- (d) Memelihara hubungan tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
[ JELUTONG ]**

**TARIKH** : **18 OKTOBER 2016 (SELASA)**

**SOALAN** : **43**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan strategik jangka pendek bagi meningkatkan prasarana dan mutu perkhidmatan feri di Pulau Pinang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia, perkhidmatan feri Pulau Pinang masih mengekalkan 60 trip pelayaran sehari sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Buat masa ini, satu perbincangan *way forward* bagi membentuk satu usaha sama antara PPSB dan Prasarana Malaysia Berhad (Prasana) bagi menjalankan operasi dan perkhidmatan feri Pulau Pinang sedang dijalankan. Walau bagaimanapun, model usahasama dan perancangan perniagaan perkhidmatan feri Pulau Pinang masih berada di peringkat perbincangan awal di antara Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Penang Port Sdn. Bhd., Prasarana Malaysia Berhad dan juga Kementerian Kewangan.